

MAHATHIR - PILIHAN RAYA

IPOH, 10 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PILIHAN RAYA YANG DIADAKAN DI NEGARA INI ADALAH BEBAS DARIPADA PENIPUAN DAN RAKYAT BEBAS UNTUK MEMILIH KERAJAAN.

KATANYA, JIKA TERDAPAT PENIPUAN DALAM PILIHAN RAYA, CALON ATAU PARTI-PARTI PEMBANGKANG TIDAK AKAN MEMENANGI SEBARANG KERUSI.

+KERAJAAN TIDAK PERLU MENIPU KERANA RAKYAT MENYOKONG KITA DAN KITA BOLEH MENDAPAT KEMENANGAN,+ KATANYA KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN 3,500 PEGAWAI KERAJAAN DI SINI PETANG INI SEMPENA LAWATANNYA KE PERAK.

BELIAU JUGA BERKATA ADA SESETENGAH NEGARA MENUDUH KERAJAAN MENJALANKAN PEMERINTAHAN DIKTATOR SEHINGGA TIDAK WUJUD KEBEBASAN DI NEGARA INI WALAUPUN SEBENARNYA RAKYAT BEBAS MEMILIH KERAJAAN HASIL DARIPADA KEBEBASAN YANG ADA SEDANGKAN DI SESETENGAH NEGARA YANG MENDAKWA MENGAMALKAN DEMOKRASI, PEMBANGKANG MEREKA TIDAK BOLEH MENANG WALAUPUN SATU KERUSI.

KEADAAN ITU BERBEZA DI NEGARA INI KERANA RAMAI CALON PEMBANGKANG TELAH MEMENANGI KERUSI PADA PILIHAN RAYA YANG DIJALANKAN DAN RAMAI WAKIL RAKYAT PEMBANGKANG, SEPERTI DAP DI DEWAN RAKYAT, TEGAS BELIAU.

-- LAGI

1858MST 10 03 90

D307

U B032 BAH

MAHATHIR - PILIHAN RAYA 2 IPOH

+MALAHAN PARTI PEMBANGKANG DAPAT MENUBUHKAN KERAJAAN SEPERTI YANG BERLAKU DALAM PILIHAN RAYA 1959 DAN 1969,+ UJARNYA.

INI TERBUKTI PADA TAHUN 1959 APABILA PARTI PERIKATAN KALAH DI KELANTAN DAN TERENGGANU SEHINGGA PAS BERKUASA SELAMA 18 TAHUN DI KELANTAN SEBAGAI PARTI PEMBANGKANG.

PADA PILIHAN RAYA UMUM 1969, GERAKAN YANG KETIKA ITU MENJADI PARTI PEMBANGKANG, MENANG DAN MENUBUHKAN KERAJAAN NEGERI DI PULAU PINANG SEMENTARA PARTI PEMBANGKANG HAMPİR MENANG DI PERAK PADA PILIHAN RAYA UMUM YANG SAMA, TAMBAHNYA.

SATU LAGI CONTOH, KATA PERDANA MENTERI, IALAH APABILA PARTI BERSATU SABAH (PBS), YANG MENJADI PEMBANGKANG DI NEGERI ITU, MEMENANGI PILIHAN RAYA SETELAH MENEWASKAN BERJAYA, YANG MEWAKILI BN.

+INI MEMBUKTIKAN BAHAWA PILIHAN RAYA DI NEGARA INI BEBAS DARI PENIPUAN, KERANA KEPUTUSAN SEPERTI ITU HANYA BOLEH BERLAKU JIKA RAKYAT FAHAM TENTANG KEGUNAAN KEBEBASAN DAN MENGGUNAKANNYA SECARA TERATUR DAN TERTIB,+ KATANYA.

-- LAGI

1906MST 10 03 90

D309

U B033 BAH

MAHATHIR - PILIHAN RAYA 3 IPOH

KATANYA, WALAUPUN KEBEBASAN DI NEGARA INI ADA HAD DAN SEKATAN, RAKYAT MENERIMANYA KERANA TERNYATA IA MENJAMIN KEAMANAN DAN KESTABILAN NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERASAAN PERKAUMAN WALAUPUN MASIH TERDAPAT DI NEGARA INI, IANYA DAPAT DIKURANGKAN MELALUI SISTEM POLITIK GABUNGAN ANTARA KAUM YANG TIDAK TERDAPAT DI NEGARA-NEGARA LAIN.

KONSEP KERJASAMA GABUNGAN YANG DIAMALKAN DI NEGARA LAIN, HANYA SELEPAS PILIHAN RAYA UNTUK MENUBUHKAN KERAJAAN, DIDAPATI TIDAK BERKESAN, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI JUGA MEMUJI KAKITANGAN KERAJAAN KERANA TELAH MEMBERI KERJASAMA ERAT KEPADA KERAJAAN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT DALAM MELAKSANAKAN DASAR DAN RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGARA.

KATANYA, PENTADBIRAN DI NEGARA INI BERJALAN SEMPURNA KERANA KEDUA-DUA PIHAK (KERAJAAN DAN KAKITANGAN AWAM) FAHAM AKAN PERANAN MASING-MASING BAHAWA SATU PIHAK MENGADAKAN DASAR DAN SATU PIHAK LAGI MELAKSANAKANNYA. -- LAGI

1913MST 10 03 90

D312

U B035 BAH  
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 4 IPOH (AKHIR)

TANPA KEFAHAMAN DAN KERJASAMA ANTARA KAKITANGAN KERAJAAN DAN KERAJAAN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT, PEMERINTAHAN NEGARA TIDAK AKAN DAPAT DIJALANKAN DENGAN BERKESAN DAN TIDAK AKAN WUJUD KESTABILAN DAN PEMBANGUNAN DI DALAM NEGARA, TAMBAHNYA.

MENGENAI CADANGAN SESETENGAH PIHAK BAHAWA KERAJAAN SEHARUSNYA MENAIKKAN GAJI KAKITANGAN AWAM SEJAJAR DENGAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA SEKARANG, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN MEMANG BERNIAT MENAIKKAN GAJI KAKITANGANNYA.

KATANYA, APABILA HASIL CUKAI DAN PENDAPATAN KERAJAAN BERTAMBAH, KERAJAAN AKAN MENJALANKAN KAJIAN UNTUK MENAIKKAN GAJI KAKITANGANNYA.

ISU KENAIKAN GAJI KAKITANGAN AWAM INI, KATANYA, BOLEH DIATASI MELALUI PERUNDINGAN SEPERTI YANG TELAH BERJAYA DILAKUKAN DALAM KENAIKKAN ELAUN KAKITANGAN AWAM, BARU-BARU MELALUI PERUNDINGAN ANTARA KERAJAAN DAN CUEPACS.

MENURUTNYA, PENENTANGAN ANTARA PEKERJA DAN MAJIKAN SEPERTI YANG DIAMALKAN DI BAWAH FAHAMAN SOSIALIS TIDAK AKAN DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH YANG MEREKA HADAPI. -- BERNAMA

1921MST 10 03 90